

Negara akan kucar-kacir jika rakyat tak terima perubahan — Mahathir

UM 17 DEC 1982

ALUR SETAR 16 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran negara akan mengalami kucar-kacir jika rakyat berbilang kaum tidak mahu menerima perubahan.

Perdana Menteri menegaskan: Setiap kaum di negara ini mesti menerima hakikat bahawa segala perbezaan yang terdapat di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini boleh dihapuskan.

Berucap melancarkan koperasi serbaguna dan mesyuarat agung tahunan Majlis Belia Negeri Kedah, di Stadium Datuk Syed Omar, di sini, pagi ini, setiap rakyat 'menentukan perubahan yang telah, sedang dan akan berlaku di negara ini scocok dengan kehendak kita'.

"Kalau kita dapat terima perubahan, itu baik, tetapi kalau kita tidak menerima hakikat ini kita akan menghadapi kucar-kacir," ujarnya.

Perbezaan kaum

Menurut Perdana Menteri, timbul persoalan perbezaan kaum-kaum dari segi pembangunan kerana ada satu kaum lebih dari kaum-kaum yang lain.

"Kita mesti terima perbezaan kaum-kaum ini boleh dihapuskan ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, "di sinilah kita perlu kebijaksanaan, kebolehan menentukan yang mana boleh diubah dan yang tidak boleh diubah".

Beliau menggariskan tiga perkara yang perlu ada bagi mencapai masyarakat bahagia iaitu mengenal yang tidak boleh diubah, mengenal yang boleh diubah dan kebijaksanaan dalam menentukan yang mana satu boleh diubah dan tidak boleh diubah.

Katanya, "kalau kita ada ketiga-tiga perkara ini kita akan berjaya mencapai masyarakat yang bahagia".

Perdana Menteri seterusnya menegaskan bahawa "kita tidak boleh terima satu kaum kekal dengan perbezaan".

Dalam hubungan ini, beliau menjelaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk menseimbangkan kaum-kaum yang ada di negara ini dengan menaikkan yang rendah bukan menurunkan yang tinggi.

Oleh itu, katanya, perasaan irihati orang itu, orang ini tidak akan timbul.

Beliau sebaliknya menegaskan bahawa perbezaan kaum tidak harus terdapat di negara ini kalau kita menerima DEB: "Tiap-tiap kaum, bukan sahaja bumiputera harus menerima Dasar Ekonomi Baru."

Tambahnya, "kalau dasar ini diterima rasa irihati tidak akan wujud".

Perdana Menteri kemudiannya menekankan, "sebab itu kita hendak adanya persefahaman, kerjasama bagi mencapai kejayaan".

Bercakap kepada para beliau, Datuk Sri Dr. Mahathir berharap tiap-tiap pemuda di negara ini mesti faham hakikat bagi mengubah perkara ini untuk mengelakkan masyarakat dari kucar kacir.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru, Perdana Menteri juga menyarankan orang dari bawah mestilah berusaha untuk mengejar kaum yang lebih maju atau sudahpun terdahulu darinya.

Katanya, "ini bukan mustahil kerana terdapat di dunia bangsa-bangsa yang dulunya mundur sekarang telah maju".

Sebagai contoh, beliau menyebut negeri Jepun yang dulunya tertutup dari unsur-unsur moden dan ke-

tinggalan ke belakang tapi keadaan mereka telah berubah "hingga orang-orang Barat takut kepada mereka dalam bidang sains dan teknologi".

Menurutnya, mereka sekarang setanding dengan orang-orang Barat dalam bidang sains dan teknologi termasuk membuat kereta yang dulunya dibuat oleh orang-orang Barat.

Beliau menyebutkan barang-barang buatan Jepun dulunya murah dan cepat rosak tapi sekarang bermutu baik di samping mereka menang perlumbaan dalam bidang pelajaran, industri dan sebagainya.

Perdana Menteri berkata orang-orang yang mundur tidak semestinya terus mundur dan ketinggalan di belakang.

Selaras dengan itu, beliau mengingatkan kaum bumiputera tidak harus berfikir

bahawa mereka tidak boleh bersaing dengan orang-orang bukan bumiputera.

"Kuncinya kita mesti sanggup berusaha dan bekerja dengan cukup kuat bagi menyamakan dengan orang lain," katanya sambil menambah peluang-peluang bagi kaum bumiputera mencapai kejayaan dalam negara ini.

Beliau menyebut, "kalau kita suruh satu kaum berhenti dulu ianya hanya akan merugikan negara".

Mengenai peluang-peluang pekerjaan Perdana Menteri mengingatkan para beliau perlu menyesuaikan dengan kerja yang ada dan "kalau kita memilih, kita akan menganggur dan terus

frust."

Bagi mengelakkan kecewa, katanya, beliau-belia mestilah sanggup memilih kerja yang secocok dengan kebolehan mereka.

"Belia-belie sebagai orang muda mesti sanggup menghadapi cabaran, kalau kita tak sanggup harapan kita akan tertiarap," ujarnya.

Beliau juga menyebut di Malaysia banyak kerja mengikut susunan kaum di mana menurutnya peluang-peluang kerja yang ada hari ini sama banyak dengan jumlah penganggur.

Perdana Menteri selanjutnya memberitahu banyak

peluang kerja yang ada terutama berikutan dasar pandang ke Timur di mana banyak syarikat Jepun menawarkan peluang-peluang kerja tapi tidak ada calonnya.

Ini, menurutnya, kerana orang takut mahu bekerja dengan Jepun kerana kerja dengan Jepun teruk.

Beliau menjelaskan bahawa polisi pandang ke Timur mahu supaya semua buat kerja macam Jepun dengan mesti belajar darinya tapi bukan semua barang akan dibeli dari Jepun.

Datuk Sri Dr. Mahathir sebaliknya mengingatkan para beliau supaya jangan meniru cara-cara Barat dan patut singkirkan anggapan minta gaji lebih dan kerja kurang.